

**Najib: Cukai pendapatan 15 peratus pikat profesional Malaysia pulang ke tanah air**  
**The Malaysian Insider**  
**Oleh Lee Wei Lian**  
**April 12, 2011**

KUALA LUMPUR, 12 April — Pentadbiran Najib meletakkan sasaran untuk menarik profesional bekerja di luar negara dengan menawarkan insentif cukai pendapatan 15 peratus bagi tempoh lima tahun, di bawah Program Kepulangan Pakar (REP) yang diumumkan hari ini.

“Saya sangat berharap pelbagai perubahan ini akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, dengan pengalaman dan kepakaran yang luas, akan pulang dan memainkan peranan aktif dalam (program) transformasi ekonomi negara,” kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada persidangan Invest Malaysia di sini pagi ini.

Perubahan lain termasuklah insentif bebas cukai bagi dua kereta — kenderaan dipasang dalam negara.

Perdana Menteri berkata insentif cukai itu akan diperkenalkan bersama insentif-insentif lain bagi pakar-pakar yang pulang ke Malaysia.

Malaysia dilihat sebagai salah satu negara yang teruk mengalami kesan penghijrahan keluar bakat dan bilangan rakyat negara ini berhijrah keluar meningkat lebih 100 kali ganda dalam tempoh 45 tahun lalu, daripada 9,576 orang pada 1960 kepada 1,489,168 pada 2005, demikian menurut Bank Dunia, yang memberi amaran bahawa kekurangan modal insan “adalah halangan kritikal kepada cita-cita Malaysia untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi.”

Dalam usaha mengatasi masalah penghijrahan keluar, pentadbiran Najib melancarkan Talent Corp tahun lalu bagi profesional mahir kalangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

Najib berkata Talent Corp akan memainkan peranan penting dalam REP dan mempunyai parameter-parameter program dan kriteria kelayakan yang telah dikaji semula, yang akan diumumkan kemudian.

“Hari ini, saya mengumumkan pakej insentif yang turut dikaji semula serta-merta dan saya tahu bahawa Talent Corp akan menyediakan butiran kemudian,” katanya lagi.

Najib yang yakin dengan Talent Corp menambah, agensi itu sudah pun mula membawa hasil.

“Kita boleh sediakan dasar, kita boleh sediakan rangka kerja, tetapi kesemua usaha kita untuk menarik pelabur-pelabur tidak akan membawa hasil kecuali kita boleh membawa tenaga kerja berkemahiran tinggi, pakar yang mereka perlu dikembangkan,” kata beliau.

Najib juga menambah, mulai 1 April lalu, Kementerian Dalam Negeri melaksanakan penambahbaikan kepada sistem pas pengajian termasuk membenarkan tempoh kerja sehingga lima tahun.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-cukai-pendapatan-15-peratus-pikat-profesional-malaysia-pulang-ke-tanah-air/>